

# Inisiatif pastikan urusan kemasukan daging import halal terjamin

mls: 2  
BH- 24/11/2021

Dari Muka 1.

“Produk berasaskan haiwan yang diimport perlu menggunakan rangkaian pengangkutan mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bawah skim logistik kategori pengangkutan.

“Mewujudkan prosedur mandatori pembungkusan semula (repacking) yang mewajibkan syarikat mendapatkan pensijilan halal Malaysia bawah skim produk makanan.

“Semua inisiatif ini penting bagi memastikan pengurusan kemasukan produk daging import halal dari luar negara ke Ma-

aysia terjamin,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Halal Kebangsaan 2021 secara maya semalam.

Isu kartel daging import menarik perhatian ramai pada Disember tahun lalu selepas media mendedahkan taktik kartel menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum dibungkus semula menggunakan logo halal dan dijual dalam pasaran di seluruh negara.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Perdana Menteri berkata, JAKIM sedang memperkasakan Pensijilan Halal Malaysia yang menyaksikan pemba-



Ismail Sabri berucap merasmikan Persidangan Halal Kebangsaan 2021 secara maya, semalam.

ngunan Sistem Maklumat Bersepadu Halal, yang bakal memberi akses kepada Keluarga Malaysia kepada status halal produk dari luar negara bermula 2023 kelak.

Katanya, JAKIM sedang membangunkan sistem berkenaan yang akan menjadi pangkalan data halal dengan kos RM3.4 juta.

Beliau berkata, inisiatif itu merangkumi enam sistem iaitu MYeHALAL (Domestik), MYeHALAL (Antarabangsa), Sistem Cetakan Sijil Elektronik (e-Cert Print System), Malaysia International Halal Authority Board (MyIHAB), Modul Permohonan Rumah Sembelihan Luar Negara dan Modul Pengurusan Ramuan Produk Halal Malaysia (MyHALAL Ingredients).

“Contohnya melalui MyIHAB, JAKIM dapat mengawal selia 84 badan pensijilan halal luar negara, dari 46 buah negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

“Insya-Allah, melalui perancangan yang dijangka bermula pada 2023 nanti, Keluarga Malaysia akan dapat menyemak status halal produk daripada luar negara melalui sistem ini,” katanya.

Ismail Sabri berkata, pada Oktober tahun lalu, JAKIM berjaya memperoleh akreditasi ISO/IEC 17065, meletakkan Halal Malaysia sebagai Badan Pensijilan yang diiktiraf di peringkat global.

Beliau berkata, akreditasi itu memberikan impak bukan saha-

“Insya-Allah, melalui perancangan yang dijangka bermula pada 2023 nanti, Keluarga Malaysia akan dapat menyemak status halal produk daripada luar negara melalui sistem ini”

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri

ja kepada produk yang sudah dipersijilkan, bahkan turut menyumbang kepada tadbir urus pelaksanaan pensijilan halal yang lebih baik.

Katanya, JAKIM juga sedang membangunkan dua inisiatif iaitu Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Antarabangsa) dan Modul Eksekutif Halal Antarabangsa, sebagai langkah untuk memperkasakan sijil halal Malaysia di peringkat antarabangsa menerusi Program Pengantarabangsaan Pensijilan Halal Malaysia.

Ia antara lain membolehkan pemain industri dari luar ne-

gara memohon persijilan halal Malaysia secara langsung daripada JAKIM.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi keutamaan terhadap memperkasakan usahawan halal Bumiputera melalui program bimbingan yang membabitkan beberapa Kementerian berkaitan.

Memetik laporan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang menjangkakan pasaran halal akan menyumbang 8.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan janaan pendapatan eksport sebanyak RM56 bilion menjelang 2025, beliau menggesa agensi, Kementerian berkaitan dan pemain industri untuk meningkatkan kebolehpasaran produk halal tempatan ke peringkat antarabangsa.

Pada 2020 sahaja, katanya industri halal menyumbang sejumlah RM9.7 bilion kepada KDNK negara.

Perdana Menteri optimis industri halal berpotensi menjana ekonomi negara berikutan populasi penduduk Islam dunia ketika ini berjumlah 1.8 bilion dan akan terus meningkat sehingga 2.2 bilion pada 2030.

Berdasarkan kepada angka terbabit, katanya permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal mampu melonjak tinggi sehingga mencecah AS\$680 bilion (RM2.8 trilion) setahun.

## Ibadat & Fadhilat

Abdullah Umar RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda: “Orang Muslim itu ialah orang aman semua orang Islam daripada bencana lidah dan tangannya. Dan Muhajirin ialah orang yang berpindah (meninggalkan) segala larangan Allah.” (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:08	4:29	7:01	8:14
Alor Setar	5:59	1:08	4:29	7:01	8:14
P. Pinang	5:58	1:07	4:29	7:02	8:16
Ipoh	5:54	1:05	4:27	7:01	8:15
Kuala Lumpur	5:51	1:03	4:25	7:00	8:14
Shah Alam	5:51	1:03	4:25	7:00	8:14
Johor Bahru	5:39	12:54	4:17	6:54	8:08
Kuantan	5:44	12:57	4:19	6:55	8:08
Seremban	5:47	1:01	4:24	7:00	8:13
Bandar Melaka	5:46	1:00	4:23	6:59	8:13
Kota Bharu	5:51	1:00	4:21	6:54	8:03
K. Terengganu	5:46	12:56	4:18	6:51	8:04
Kota Kinabalu	4:56	12:06	3:27	6:00	7:14
Kuching	5:14	12:29	3:52	6:29	7:42